

# **“Daulat” Dalam Tradisi Budaya dan Politik Kesultanan Melayu Abad Ke-15 dan Awal Abad Ke-16: Antara Mitos dan Realiti**

Oleh

**Mohammad Yusoff Hashim**

“Daulat” berasal daripada istilah Arab, *daulatun*<sup>1</sup>. Pengertiannya dikaitkan dengan kuasa, kerajaan, empayar, dinasti, pemerintahan, negara atau negeri. Dalam konteks sesebuah kerajaan, ia menjadi intipati kepada hak individu atau kelompok menggunakan kuasa dan wibawa untuk memerintah sesebuah kerajaan, negara atau negeri. Apabila dihubungkan dengan politik pemerintahan, daulat menjadi unsur pengiktiraf baik secara lisan, kepercayaan ataupun tulisan (piagam atau perlombagaan) bagi individu atau kelompok untuk melaksana atau menegaskan kuasa atau wibawa ke atas anggota masyarakat yang mendiami/menduduki sesebuah negeri atau negara.

Dalam konteks budaya-politik Melayu, daulat membawa pengertian politik, sosial, kebudayaan dan falsafah serta kepercayaan turun-temurun yang tersendiri. Artikel ini akan cuba menyorot fenomena “daulat” dalam Kesultanan Melayu Melaka yang secara historisnya melangsungkan kesinambungan tradisi Srivijaya dan juga mempunyai kaitan dengan tradisi kerajaan-kerajaan Melayu di persekitaran Selat Melaka yang berada sezaman atau hampir sezaman dengannya.

<sup>1</sup> Elias E. Alias, *Al-Qamus al-Asri, Arabi Anjelini*, Cairo, 1954, hlm. 227.

Unsur daulat dapat digalurkan sejak zaman kerajaan Srivijaya lagi. Prasasti Telaga Batu dan Kota Kapur (Pulau Bangka) menyebut terdapat mekanisme budaya tertentu apabila seorang ketua atau pemerintah tentera berjaya menundukkan kumpulan masyarakat dan menakluki sesuatu kawasan yang luas di sekitar Selat Melaka. Ketua atau pemerintah tentera ini kemudiannya mempertingkatkan taraf dirinya kepada suatu status politik dengan menjadi pemegang, pelaksana dan pengamanah kuasa dan wibawa. Beliau seterusnya mewujudkan satu kelas tersendiri yang dinamakan 'pemerintah politik' dan bukan lagi sebagai 'pemerintah ketenteraan'. Ini disebabkan 'pemerintah ketenteraan' secara tidak disedari akan menjadikan taraf atau kelasnya lebih rendah. Mereka melaksanakan kuasa secara fizikal, ketenteraan dan konflik senjata, bukan sahaja bagi melindungi dan mempertahankan 'pemerintahan politik', malahan sebagai alat yang dominan bagi mengekal, menegak dan mempertahankan kuasa ke atas masyarakat dan kawasan-kawasan takluknya.

Punca atau sumber kuasa yang dipegang oleh 'pemerintahan politik' berpusat di Palembang. Berikutnya serangan yang dilakukan oleh orang Chola pada abad ke-11, pusat ini berpindah pula ke Jambi<sup>2</sup>. Dari sinilah kuasa dan wibawa mereka miliki apabila 'pemerintahan' di peringkat pusat meluas ke kawasan takluk di persekitaran Selat Melaka sehingga terbentuknya Empayar Srivijaya. Perluasan ini dilakukan secara fizikal dan ketenteraan. Walau bagaimanapun, secara oralnya kepercayaan, shamanisme, karisme, ciptaan pelbagai mitos dan keluhuran serta kekudusan/kesucian keluarga dinasti yang memegang kuasa dan yang memerintah turus diwarisi secara turun-temurun.

Unsur-unsur inilah yang sebenarnya yang menjadi tonggak yang membina dan menegakkan apa yang disebut daulat. Salah satu kaedah bagi meyakinkan keberkesanan daulat ialah air dituangkan ke atas prasasti Telaga Batu yang terpahatnya kata-kata sakti memuja-muji raja yang memerintah. Para pembesar tempatan dan pemerintah jajahan takluk Srivijaya dikehendaki meminum air tersebut dengan sumpah bahawa sekiranya mereka enggan mematuhi titah pusat atau cuba menentang kewibawaan raja Srivijaya yang memerintah mereka akan ditimpa *tuhan*.

2. George Coedes, *Srivijaya, History, Religion and Language of An Early Malay Polity*, MBRAS, Monograf, No. 20, Kuala Lumpur, 1992.

Ketulahan boleh berlaku dalam bentuk kutukan Sang Hyang Dewata Mulia Raya atau ditelan seekor ular besar yang didakwa menghuni Sungai Palembang. Daripada istiadat atau ritual seperti inilah tercetuslah sikap dan rasa taat setia dan sentiasa patuh kepada raja yang memerintah. Kepercayaan sedemikian telah mencipta suatu 'aura' di mana wujud beberapa *taboo* bahawa seseorang raja yang memerintah itu dianggap begitu suci dan kudus sehingga kedudukannya amat istimewa di kalangan anggota masyarakat yang lain. Perbuatan menentang raja disebut *talu-muah*. Penentangnya kelak akan dihukum.

Daulat merupakan suatu yang tidak kelihatan sifatnya yang hanya dimiliki oleh seseorang raja. Ia juga bersangkutan dengan unsur tuah, kemuliaan, keistimewaan dan kelebihan peribadi yang berada di dalam diri raja berkenaan. Dalam konteks budaya politik dan muslihat pemerintahan, perkara-perkara tersebutlah menjadi asas pelaksanaan dan keberkesanan kuasa memerintah. Apabila pelaksanaan dan keberkesanan kuasa gagal, maka barulah gerakan fizikal dan kekuatan tentera digerakkan. Selain tertimpa tulah, mereka yang enggan mematuhi daulat juga dianggap melakukan *drhoka*, satu istilah Sanskrit lama yang dikenali kini sebagai *derhaka*. Istilah ini bermaksud mengkhianati janji dan sumpah atau ingkar kepada pihak yang berkuasa atau yang berwibawa.

Dalam tradisi politik Melayu, istilah daulat sering ditentangkan dengan derhaka. Pengakuan atau pengiktirafan daulat bukan saja menerusi sikap dan perilaku malah ditunjukkan secara rasminya dengan pengucapan kalimat 'daulat tuanku'. Pengucapan ini adalah sebagai menunjukkan kebahagian, kesejahteraan dan keselamatan kepada seseorang yang memegang kuasa atau wibawa tertinggi. Dalam konteks falsafah politiknya, kebahagian, kesejahteraan dan keselamatan pemegang kuasa berkenaan juga bererti kebahagian, kesejahteraan dan keselamatan kerajaan dan negeri yang diperintahnya yang di sini dengan jelas memperlihatkan terdapatnya unsur-unsur perlambangan.

Raja yang memerintah dengan kerajaan adalah sinonim, sebab wujudnya raja dengan segala institusi dan kecanggihan sistemnya membolehkan wujudnya sesebuah kerajaan. Apabila daulat diberikan kepada seseorang raja serta pihak lain, ini bererti kerajaan atau negeri yang diperintah oleh raja berkenaan adalah berdaulat. Maksudnya, raja dan kerajaannya bebas daripada sebarang penguasaan pihak asing. Ia berkuasa dan berwibawa dalam melaksanakan

pemerintahan dan undang-undang yang tersendiri bagi seluruh kerajaan. Ia juga bebas membina dan melaksanakan tata negara dan sistemnya sendiri, bebas mempunyai dan melaksanakan hala cara berkerajaan sendiri (state-craft) serta perjalanan kerajaan dengan sistem-sistemnya dan sebagainya. Sekiranya kerajaan tersebut mempunyai jajahan takluk maka daulat raja dan kerajaan pusat juga turut diiktiraf dan dilaksanakan oleh kawasan-kawasan taklukannya.

Ketika zaman tersebarunya pengaruh Hindu-Buddha di Alam Melayu pengaruh dan kepercayaan terhadap dewa-dewa Hindu menyebabkan unsur-unsur kedewaan dicernakan ke dalam konsep daulat dengan berteraskan tradisi Melayu. Malah daulat yang dimiliki oleh seseorang raja Srivijaya makin dipertingkat dan diperkuuh dengan proses pencernaan tersebut. Selain bertujuan menunjukkan keistimewaan dari segi taraf wibawa dengan raja-raja kawasan takluk, pencernaan Buddhisme juga membolehkan peningkatan kehalalan politik maharaja Srivijaya.

Pada abad ke-7, banyak unsur-unsur Buddhisme dicernakan dengan unsur-unsur leluhur pribumi yang merujuk kepada anasir gunung, sumpah dan pemujaan kepada roh-roh tokoh yang telah mati. Arca Buddha *Avalokitesvara* yang dijumpai di Palembang merupakan bukti bagaimana perceraian tersebut terjadi. Bahagian muka arca tersebut yang dipahat dengan wajah maharaja yang telah mangkat menunjukkan perkaitan antara maharaja berkenaan dengan unsur Bodhisatwa Buddha yang dihubungkan dengan dakwaan kehalalan tadi<sup>3</sup>. Mungkin ini merupakan satu dakyah untuk mencetuskan pengaruh politik dikalangan pihak yang diperintah, sebab proses pencernaan seperti ini hanya terjadi pada peringkat dan kalangan maharaja yang memerintah sahaja. Bagaimanapun, ini juga merupakan satu usaha politik untuk membina dan menegakkan daulat maharaja berkenaan.

Dari segi daulat yang menjadi paksi kepercayaan dalam budaya politik Melayu, ia sebenarnya tidak dapat dibuktikan dengan mata kasar. Dalam zaman tradisi ia wujud dalam bentuk bukan tulisan, tetapi hanya dalam corak konvensi kepercayaan yang diwarisi secara turun-temurun dan diterima oleh masyarakat.

3. J.G. de Casparis, *Selected Inscriptions From the Seventh to the Ninth Century A.D. (Prasasti Indonesia)*, Bandung, 1956; K.R. Hall and J.K. Whitmore, (eds.), *Explorations in Early Southeast Asian History: The Origins of Southeast Asia Statecraft*, Michigan, Ann Arbor, 1976.

Kadangkala daulat seorang raja dikaitkan dengan karismanya, seperti gagah-berani, petah berucap, alim dalam agama, cergas dan cerdas dalam tindakan, pintar dan cekap dalam tugas kerja. Raja yang berdaulat juga mungkin memiliki pelbagai ilmu batin, adil dan saksama dalam pertimbangan undang-undang serta memiliki segala sifat cemerlang dan positif. Kalau tokoh tersebut bersifat keras dan tegas, ia mungkin digeruni dan ini jelas memperlihatkan terdapatnya pengaruh spiritual dan fizikal .

Daulat juga dihubungkan dengan semangat dan peribadi yang dimiliki oleh seseorang raja. Dalam masa pemerintahannya, sekiranya kerajaannya berdaulat, negeri akan aman makmur, hasil tanaman dan ternakan menjadi, perniagaan dan usaha berdagang amat cergas dan kekayaan negeri melimpah-ruah. Ramai orang asing juga datang dan bertumpu di negeri berkenaan. Kesemuanya ini dianggap sebagai manifestasi raja yang memerintah adalah tinggi dan istimewa daulatnya. Sebaliknya, jika raja yang memerintah bebal dan zalim, tiada pegangan agama dan lemah dalam pentadbiran, boros dan jahil, ini akan menyebabkan segala kegiatan dalam negeri berjalan lemah dan lesu, negeri bertambah miskin, kekacauan dan peperangan tidak berhenti-henti yang akan menyebabkan rakyat kian meninggalkan negeri tersebut. Apabila ini berlaku maka dianggap rendah dan daiflah daulat yang dimiliki oleh rajanya. Negeri dan kerajaannya tidak dihormati serta akan lunturlah pengiktirafan ke atasnya. Akhirnya negeri akan runtuh sekiranya raja seperti itu tidak digantikan. Mengikut tradisi Melayu, penggantian hanya berlandaskan pewarisan keluarga yang melibatkan kerabat diraja sahaja. Berdasarkan keutamaan, menurut Adat Temenggung, daripada bapa kepada anak lelaki atau perempuan (seperti yang berlaku dalam kerajaan Patani dan Aceh). Turut berlaku, pewarisan daripada abang kepada adik atau daripada keluarga kerabat yang terdekat, seperti bapa-saudara atau sepupu lelaki, apabila terdapat persetujuan dan kesepakatan daripada badan perlantikan raja.

Pada zaman keagungan kerajaan Melayu Srivijaya, unsur tuah yang dikaitkan dengan daulat seseorang raja dikatakan mengandungi falsafah buah. Ini mempunyai persamaan dengan falsafah politik buah yang terdapat dalam fahaman agama Buddha. Hal ini berkait rapat dengan soal kemakmuran dan kekayaan serta kemewahan hidup. Seorang pemerintah bukan sahaja mempunyai unsur kedirajaanya (royalty), malah harus menunjukan unsur-unsur kekayaan untuk menampung keistimewaan material bagi menyara para penyokongnya. Oleh yang demikian, kekayaan juga seharusnya menjadi suatu

unsur daulat kepada raja yang memerintah. Tiada siapa yang bersedia mengaku kedaulatan seseorang raja jika ia seorang yang maflis atau papa kedana.

Unsur daulat berubah dengan masuknya pengaruh Islam di rantau ini, tetapi tidak mengubahkan konsepnya. Malah intipati terhadap daulat itu terus diperkuuhkan, di samping memasukkan unsur-unsur demokrasi di dalamnya. Kini kemutlakan kuasa dan wibawa yang sebelum ini dimiliki oleh seseorang raja ditentukan pula oleh teguh atau tidaknya pegangan baginda terhadap agama sebagai seorang Islam. Di samping terus mengekalkan warisan dan tradisi leluhur yang sedia ada, kerajaan Aceh contohnya tidak teragak-agak untuk menafikan kedaulatan seseorang raja yang tidak berjiwa Islam, zalim, tidak adil dan sebagainya. Apabila ini berlaku mereka digulingkan dan digantikan oleh seorang raja yang lebih alim.

Dalam proses perubahan ini, jika pada zaman sebelum Islam unsur-unsur sakral yang menjadi intipati membina daulat dilandaskan kepada leluhur Dewata Mulia Raya dan dihubungkaitkan dengan spektrum kepercayaan Hindu seperti penjelmaan dewa-dewa, tetapi di dalam perspektif Islam, raja yang memerintah kini dipertalikan pula dengan Allah dan Rasulullah (s.a.w). Di samping itu daulat juga merujuk kepada ajaran-ajaran al-Quran, diikuti juga dengan sunnah Rasulullah.

Dalam sejarah Malaysia, tradisi daulat yang paling awal yang dikaitkan secara langsung dengan Islam berlaku pada zaman kesultanan Melayu Melaka. Kitab *Sejarah Melayu* merujuk perkara ini dengan menyebut bahawa 'seorang raja itu umpama ganti Allah di muka bumi, kerana sebagai khalifah kepada ummah beliau *zulil 'Lahi-f'il 'alam*'. Ini bermakna apabila seseorang itu berbakti kepada raja, ia berbakti kepada Allah. Daulat juga meyebabkan seseorang raja atau sultan mengatasi undang-undang kerajaan. Di Melaka pada abad ke-15, daulat seorang raja dibayangkan di dalam teks undang-undangnya, iaitu *Undang-Undang Melaka* atau *Hukum Kanun Melaka*. Malah dikatakan kandungan undang-undang ini mewakili raja yang memerintah.<sup>4</sup> Menafikan penguatkuasaan dan kewibawaan undang-undang tersebut bererti menafikan kedaulatan raja dan ini dianggap menderhaka.

4. Rujuk Liaw Yock Fang (ed.), *Undang-undang Melaka* (The Laws of Melaka), The Hague, 1976.

Daripada perspektif kepercayaan dan dimensi bitiniah, agamalah yang sebenarnya mendasari daulat itu. Ia bermula pada zaman pra-Hindu yang dijalankan dengan tradisi leluhur peribumi, kemudian dicernakan dengan kepercayaan kepada dewa-dewa. Namun begitu, ia beracuankan Melayu yang seterusnya diterapkan pula dengan unsur Islam apabila seorang raja itu dihubungkaitkan secara langsung dengan Allah dan Rasul dalam konteks budaya politik dan penganutan spiritualnya.

Daripada perspektif budaya material dan lahiriah pula terdapat unsur dan amalan tertentu yang turut membina daulat. Tubuh seseorang raja diberikan kesucian sakral sehingga disebut 'duli' tuanku. Ini bermaksud debu telapak kaki seseorang raja. Istilah 'maha' (teramat besar) digandingkan dengan 'mulia' sebagai panggilan gantinama seseorang raja yang memerintah, lalu menjadi 'ke bawah duli yang maha mulia tuanku'. Seluruh masyarakat menerima ini sebagai konvensi dan tradisi dan tidak pernah mempersoalkannya bagi tujuan menegak dan mempertahankan daulat yang dimiliki oleh raja berkenaan. Dalam zaman Islam raja tersebut mengetuai kerajaan yang didakwa Islamiyyah-Melayuiah. Dalam status sosial, kedudukan raja yang memerintah berada pada tingkat paling tinggi dalam susun lapis masyarakat dan sistem pemerintahan dan ini adalah lambang kepada daulatnya.

Dalam institusi perajaan (kingship), pengertian daulat secara non-literal juga dapat dilihat menerusi peralatan dan penggunaan alat-alat kebesaran diraja. Hanya raja sahaja yang boleh memberi 'anugerah' kepada rakyat. Kuning adalah warna khas raja dan kerabatnya sahaja. Terdapat amalan dan penggunaan 'bahasa dalam' yang hanya boleh dipertuturkan oleh kalangan raja dan kerabatnya sahaja seperti penggunaan perkataan santap (makan), bersiram (mandi), gering (sakit), beta (saya), mangkat (mati) dan lain-lain. Pada masa pemerintahan kesultanan Melayu Melaka terdapat alat perhiasaan rumah dan kenderaan yang cuma dibenar digunakan oleh rajanya seperti penggunaan gelang kaki emas, kain khasa, payung kuning, rumah bertiang gantung, sarung bantal keemasan, penggunaan tandu atau usungan dan sebagainya. Hanya raja sahaja yang mempunyai peralatan nobat (bunyi-bunyian khas diraja) yang digunakan pada masa-masa tertentu seperti ketika kelahiran putera raja, perkahwinan, kemangkatan, pertabalan, perlantikan pembesar negeri, lawatan kenamaan asing dan sebagainya. Hanya raja saja yang berhak dihormati secara perlakuan fizikal yang sering disebut sebagai 'disembah'.

Selepas kedatangan pengaruh politik dan budaya Barat dan era pasca-kemerdekaan, unsur dan konsep daulat bagi negeri dan negara yang beraja mengalami perubahan. Di Indonesia, dengan wujudnya sistem pemerintahan republik yang diketuai oleh seorang Presiden, kedaulatan raja-rajanya (hanya wujud secara nominal di Propinsi Istimewa Kesultanan Jogja) terhapus. Nasib yang serupa menimpa kesultanan Sulu apabila negara Filipina menjadi sebuah republik. Hanya di negara Brunei Darussalam dan Malaysia sahaja yang meneruskan sistem beraja secara perlembagaan apabila tradisi daulat yang diwarisi secara turun-temurun itu dilanjutkan, tetapi dengan pelbagai variasi.

Secara peribadi kedaulatan yang selama ini wujud dalam bentuk siratan kepercayaan dan budaya-politik tradisional kini dipindahkan secara suratan apabila dituliskan di dalam perlembagaan (undang-undang tubuh negeri-negeri Melayu) dan Perlumbagaan Negeri atau Persekutuan. Selain menjadi Ketua Agama Islam dan Adat-Istiadat Melayu, raja adalah lambang kedaulatan bagi sesebuah negara merdeka, walaupun secara hakikinya yang berdaulat ialah negara berkenaan kerana mendapat pengiktirafan daripada pelbagai institusi dan badan-badan dunia.

Kini secara budaya materialnya kedaulatan seseorang raja masih diteruskan. Ini termasuklah penggunaan bendera atau panji-panji peribadi, kekebalan (immunity) dari segi undang-undang negeri dan negara yang dituliskan di dalam perlumbagaan, hak-hak keistimewaan tertentu bagi dirinya dan anggota-anggota kerabat diraja, istana persemayaman rasmi dan sebagainya. Institusi raja juga diteruskan sebagai unsur penyokong kepada lambang daulat. Secara simboliknya juga raja merupakan pemerintah atau Yang Dipertuan bagi negeri dan jajahan takluknya.

### **DAULAT DALAM KONTEKS KESULTANAN MELAKA ABAD KE-15 DAN KE- 16.**

Sekurang-kurangnya tiga prinsip utama ditampilkan oleh Tun Sri Lanang berhubung dengan kedudukan seorang raja dan kerajaannya. Pertama ialah kedudukannya dalam budaya politik Melayu. Ia berbunyi:

"Adalah raja yang adil itu dengan Nabi S.A.W. umpama dua buah permata pada sebentuk cincin; lagi pun raja itu umpama ganti Allah di dalam dunia, kerana ia *zulillahu*

"*fil-diam* apabila berbuat kebaktian kepada raja, seperti berbuat kebaktian kepada Allah S.W.T., yakni, berbuat kebaikan kamu akan Allah dan Rasul-Nya dan akan raja..."

Kedua ialah kedudukan dan hubungan raja dengan para pembesarnya. Ia berbunyi:

"Dan lagi tiada akan sentosa kerajaannya, kerana raja-raja itu umpama api, akan segala menteri itu umpama kayu; jikalau tiada kayu, di manakah api itu bernyala?"<sup>5</sup>

Ketiga ialah kedudukan dan hubungan raja dengan rakyatnya. Ia berbunyi:

"Seperti kata Parsi, 'ar-ra'yat juna ba-khasanat sultan Khasad', yakni, rakyat itu umpama akar, yang raja itu umpama pohon, jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri. Demikianlah lagi raja itu dengan segala rakyatnya....Dan segala anak Melayu, bagaimanapun besar dosanya, jangan kamu bunuh, melainkan dosanya derhaka; kerana segala anak Melayu itu tanahmu, seperti kata Arab 'al-abdu tinat 'ul-maulahu', ertinya, yang hamba itu tanah (kepada) tuannya."<sup>6</sup>

Petikan di atas memancarkan tiga unsur utama yang membentuk pelbagai sistem dan mendasari penubuhan sebuah kerajaan Melayu. Tiga unsur tersebut ialah raja (sultan dalam tradisi Melayu Islam), para pembesar daripada pelbagai hirarki dan rakyat yang menjadi wadah yang menunjangi dua unsur terawal tadi.

Tiga unsur ini mempunyai pertalian erat di antara satu sama lain. Kemuncak pertalian dan persepakatan inilah yang pada umumnya menyimpulkan piagam politik dan konvensyen Melayu yang membawa kepada tertubuhnya sebuah kerajaan di Alam Melayu ini, khususnya di Melaka pada abad ke-15 dan awal abad ke-16. Masing-masing komponen berperanan untuk mendiri dan menegak seorang raja/sultan, walaupun sekecil manapun bilangan pengikut setia dan rakyat yang mendaulati baginda. Di sebaliknya, tentulah tidak akan wujud suatu sistem, peraturan atau organisasi sesuatu kerajaan atau kesultanan, masyarakat yang teratur, tata cara hidup yang bernorma dan berbudaya (harus kembalikan

5. W. G. Shellabear (ed) *Sejarah Melayu*, Singapore, Malayan Publishing House, 1961.  
hlm. 190.

6. *Ibid.*, hlm. 170.

7. *Ibid.*, hlm. 170-171, 186.

imaginasi dan pemikiran serta pemahaman kita kepada keadaan, situasi atau perihal masa-masa silam pada abad ke -15 dan ke -16), sekiranya tidak wujud seorang raja/sultan yang didaulati. Sultan yang berdaulat merupakan unsur tertinggi dalam tata atau hala cara berkerajaan dan pemerintahan, sebagai pemimpin sebuah masyarakat yang besar dan dalam tradisi kepemimpinan Melayu-Islamnya yang diiktiraf sebagai khalifah (wakil Allah) di dunia, persis *zulilahu fil-alam* atau *khalifatu'llahu fil'ardz*.

Tentunya apa yang dirakamkan oleh Tun Sri Lanang dalam teks *magnum opusnya* itu adalah petikan langsung dan rasionalisasi daripada al-Qur'an, ayat ke-59, surah ke-4, (an-Nisa)<sup>8</sup>. Malah dalam konteks Melayu beliau mengukuhkan pendapatnya dengan penampilan beberapa analogi tempatan atau nukilan daripada tradisi Parsi, bahawa seorang raja Islam yang adil itu persis seumpama 'dua buah permata pada sebentuk cincin'. Kedua-duanya saling melengkapi dan saling memperindah, sesamanya lebih-lebih lagi, apabila raja tersebut dideretkan dengan Nabi S.A.W., dalam gagasan menegakkan keadilan pada perspektif dan dimensi kepimpinan Islam.

Apabila merujuk kepada tradisi pribumi, rakyat sesebuah kerajaan atau kesultanan dianggap sebagai tanah. Hanya unsur tanah sahaja yang boleh menumbuhkan pokok/pohon. Apakala mengambil contoh tradisi kepemimpinan Parsi, raja diibaratkan seperti pohon, rakyatnya diumpamakan akar. Hanya apakala terdapatnya akar, barulah pokoknya boleh bertumbuh dan berdiri tegap. Tanah yang segar dan akar yang kuat sudah tentu akan menghasilkan pokok/pohon yang subur dan mantap.

Sebagai perantaraan antara raja/sultan dengan rakyat terdapatlah pembesar. Para pembesar daripada pelbagai hirarki melaksanakan fungsi-fungsi fizikal dalam melangsungkan kewibawaan dan kuasa pemerintahan seseorang raja ke atas seluruh rakyatnya. Tidak mungkin kesemua tanggungjawab itu dilakukan

---

8. Diertikan seperti berikut:

"Hai orang-orang yang beriman, taatlah kepada Allah dan taatlah kepada Rasul dan kepada orang-orang yang berkuasa dari antara kau. Maka sekiranya kamu berbantahan di satu perkara, hendaklah kamu kembalikan dia kepada Allah dan Rasul jika kamu beriman kepada Allah dan Hari Kemudian. Yang demikian itu sebaik-baik dan seagus takwil." A. Hassan, *Al-Furqan*, Kelantan, 1975, hlm. 170.

raja dan memang wajar hal-hal yang serba kompleks seperti itu dipertanggungjawabkan kepada para pembesar. *Hukum Kanun Melaka*, satunya undang-undang bertulis mengenai hal-ehwal pendaratan Melaka dengan jelas merakamkan dalam salah satu bahagian mukadimahnya perihal tugas seorang raja sebaik sahaja menaiki takhta kerajaan,

"Adapun pada segala raja-raja itu, pertama-tama menjadikan Bendahara, kedua menjadikan Temenggung, ketiga penghulu bendarai, keempat menjadikan Syahbandar. Maka terpeliharalah segala raja-raja itu dengan segala rakyatnya"<sup>9</sup>.

Keadaan saling perlu-memerlukan di antara raja dengan pembesarnya ditamsilkan seperti api dan kayu. Masakan api boleh bernyala tanpa kayu?.

Maka tiga unsur inilah yang menjadi induk dalam falsafah politik Melayu Selat Melaka dalam pembentukan sebuah kerajaan dengan pelbagai kerencaman institusinya. Lantas, apakah dikaitkan secara langsung dengan kemestian hadirnya seorang pemimpin yang berwibawa dan berdarjah tinggi dalam institusi kerajaan tersebut, maka wujudlah sebuah institusi kesultanan. Institusi inilah yang menjadi tonggak kepada pengasasan, penubuhan, perkembangan dan kelangsungan kerajaan Melaka dan waris-waris berikutnya<sup>10</sup>. Begitu penting institusi ini dalam menyumbang kewujudan sebuah kerajaan (kingdom) sehingga diungkapkan secara filosof dalam budaya politik Melayu tradisional itu, "...negeri (kerajaan) alah, apabila rajanya mati"<sup>11</sup>.

Dengan demikian, faktor-faktor berikut menjadi pemangkin utama dalam menegaskan dan meneruskan institusi kesultanan dan menegakkan kerajaan Melaka dalam abad-abad kewujudannya,

Hadirnya seorang raja/sultan yang didaulati. Baginda beragama Islam. Dalam melaksanakan hukum-hukum dan perundangan kerajaan maka syariat Islam diterapkan bersama-sama undang-undang adat setempat. Teras kepada penegakan daulat

9. Liaw Yock Fang (ed.), *Undang-Undang Melaka*, hlm. 62(Fasal 0.I).

10. Di dalam teks *Sejarah Melayu* sering disebut begini apakah seseorang kerabat dilantik menjadi raja sultan, "... Raja Abdullah Shah kerajaan". "... maka Raja Hussinlah kerajaan, bergelar Alauddin Riayat Shah", dst. Rujuk W.G. Shellabear, (ed.), *Sejarah Melayu*, (passim).

11. *Ibid.*, hlm. 287.

ialah adil. Baginda menjadi pelindung kepada kesejahteraan rakyat dan kerajaan. Memangsai rakyat tanpa dosanya (melainkan dosa menderhaka kepada raja) menjadi alamat kerajaan akan binasa<sup>12</sup>. Ketinggian daulat dipertandai dengan taat setia rakyat yang tidak berbelah bagi dan kemaknuran seluruh kerajaan. Dagang dan santeri keluar masuk negeri tidak berhenti-henti.<sup>13</sup>

Pembesar dan para menteri yang bertugas 'menjunjung titah perintah sultan dengan setianya'. Bidalan sering menyebut, bahawa kerja/titah raja dijunjung, kerja sendiri dikelek. Ini adalah idealismenya.

Orang kebanyakan, baik yang berada di Melaka ataupun menduduki kawasan takluk dan pegangan Melaka serta menjadi 'rakyat ke bawah Duli Yang Maha Mulia', secara idealnya dilindungi. Sebaliknya, mereka adalah penegak daulat raja. Hubungan mereka dengan raja adalah renggang. Tetapi penaup kerenggangan ini ialah kepercayaan dan pendokongan terhadap daulat secara spiritual, serta peranan dan fungsi pembesar ke atas mereka.

Hadirnya kerjasama, ialah saling topang-menopang, sokong-menayokong, sama ada secara langsung atau tidak langsung antara ketiga-tiga pihak di atas. Teras kepada fenomena yang menjadi konvensi masyarakat ini ialah pegangan dan kepatuhan kepada *waadah* (perjanjian) yang dimaktubkan antara Sang Sepurba Taram Seri Tri Buana (pihak pemerintah) dengan Demang Selebar Daun (pihak yang diperintah). Ini adalah kepercayaan leluhur politik turun-temurun yang diterapkan di dalam teks *Sejarah Melayu* apabila teks ini dirawikan oleh Tun Sri Lanang.

Secara historis, budaya berpolitik, menjurus ke arah terbinanya sebuah kerajaan. Tonggak kerajaan itu ialah institusi kesultannya, dengan unsur yang amat mendasari kedua-dua aspek ini ialah pemegangan dan penguasaan politik. Kedaulatan dan usaha-usaha pembinaannya bukan setakat muncul daripada sokongan dan pengiktirafan oleh para pembesar, menteri dan rakyat, malah lumrah didokong pula dengan muluk-muluk mitos dan kepercayaan turun-temurun perihal asal-usulnya, keturunannya, suku sakatnya dan keperibadiannya yang ideal.

12. *Ibid.*, hlm. 186.

13. C.C. Berg, "The Javanese Picture of the Past", dalam Soedjatmoko, et. al., (ed.) *An Introduction to Indonesian Historiography*, Ithaca, 1965, hlm. 87-118.

Segala yang berkaitan dengan keturunan ini disusur-galurkan daripada zuriat Raja Iskandar Zulkarnain yang agung. Memang terdapat kaitan antara seseorang individu raja/sultan dengan kosmos atau anasir alam yang di dalam konvensi kesusasteraan bersifat 'diraja'. Hal-hal seperti ini memang sengaja di tonjol dan barangkali diada-adakan oleh pengarangnya. Ini bertujuan bagi memancarkan hal-hal keajaiban di kalangan pemerintah ini atau bagi mencipta dan memberikan suatu sifat kekudusan leluhur yang istimewa coraknya kepada si pemerintah tersebut<sup>14</sup>.

### **Daulat dan Derhaka.**

Kedua-dua istilah ini merupakan kunci konseptual dalam budaya dan politik Melayu Melaka. Daulat dalam konteks pada masa itu mempunyai pengertiannya yang tersendiri. Ia mempunyai status politik yang terunggul untuk menjelaskan perihal aspek-aspek kuasa dan kewibawaan. Ini termasuklah dalam melaksanakan kuasa dan wibawa yang dapat dirasai secara lahiriah oleh pihak yang memegang kuasa dan wibawa ke atas pihak lain yang dikuasai dan diwibawai. Dalam aspek spiritual pula ia berkait erat dengan pelbagai 'aura' dan muluk-muluk keghaiban, sama ada yang dirakamkan secara oral atau batiniah mengenai asal-usul dan silsilah seseorang raja dengan kebolehan istimewanya (sama ada secara pencapaian peribadi atau faktor keturunan atau secara tabiinya memang begitu kerana baginda dianugerahi keistimewaan oleh Allah) dan sebagainya.

Ini bererti daulat dikaitkan secara langsung dengan keperibadian raja yang memerintah dan setakat mana penerimaan rakyat terhadap baginda. Sekiranya penerimaan dan sokongan tersebut adalah total, maka dianggaplah 'tinggi daulat' baginda. Ketinggian daulat juga kerap diukur secara umum daripada pelaksanaan kuasa dan wibawa apabila para pembesar kerajaan, menteri dan pegawai dipertanggungjawabkan menjadi mekanisme kepada pelaksanaannya. Di Melaka, pengakuan secara eksplisit dan oral mengenai pemilikan daulat dilafazkan dengan kalimat 'daulat tuanku'. Apabila kuasa dan wibawa dapat dilaksanakan dengan berkesan berlakulah riaksi rantaian. Ini membolehkan proses dan organisasi pentadbiran seluruh jentera kerajaan berjalan dengan licin dan lancar.

M. Liaw Yook Fang (ed.) *Undang-Undang Melaka*, hlm. 66 (Fasal I, 3).

Kegiatan bermasyarakat dapat disusun dan dilakukan tanpa banyak masalah dan karenah. Tiada apa yang harus ditakuti oleh penduduk tempatan dan ini membolehkan negeri menjadi tarikan pihak luar. Bagaimanapun, pokok dan kuncinya ialah keadilan, baik bagi raja/sultan yang menduduki takhta kerajaan (memerintah) mahupun di kalangan individu yang dipertanggungjawabkan dengan tugas dan wibawa. Secara idealnya, selain adil, raja-raja Melaka disyaratkan dengan empat faktor bagi menegakkan daulat sebagai pemerintah. Ini dirakamkan dengan jelas dalam undang-undang,

"Adapun syarat segala raja-raja itu atas empat perkara : pertama ampun (merciful), kedua murah (generous), ketiga perkasa (courageous), keempat melakukan hukumnya dengan kaharnya (to give his verdict decisively). Itulah sifat segala raja-raja itu pada zaman dahulu kala, turun-temurun, datang sekarang. Inilah kanun namanya"<sup>15</sup>.

Maka dalam politik pemerintahan serta organisasi berkerajaan daulatlah yang kelihatan menjadi pemangkinnya. Individu yang secara konsistennya menegak dan mempertahankan daulat ini ialah Bendahara Melaka. Bendahara mengorbankan kepentingan dan jiwa raganya sendiri demi daulat, walaupun kadangkala pihak raja yang didaulatinya itu tidak berlaku adil.

Daulat juga dijelaskan secara lahiriah dengan penampilan dan penggunaan lambang-lambang budaya. Ia sama ada dalam bentuk warisan pribumi secara keseluruhannya ataupun dengan serapan pengaruh asing. Di antara lambang-lambang tersebut termasuklah pengucapan bahasa (dalam dan luar), penggunaan warna (biasanya kuning, hitam dan putih), alat-alat kebesaran diraja (termasuklah kehadiran/penggunaan nobat, senjata, payung, ketur dan kendi, kipas dan persalinan) dan keistimewaan tertentu yang dinikmati oleh raja (perhiasan diri dan istana, pakaian, kenaikan, menerima sembah dan mengadap nobat, dan sebagainya). Dalam aspek-aspek tertentu, hal ehwal keagamaan dan peribadatan juga menjadi faktor istimewa dalam penampilan dan penegakan daulat.

Bertentangan dengan daulat ialah derhaka. Tidak ada satu kesalahan jenayah dan dosa politik yang paling besar dalam sistem berkerajaan selain derhaka. Dengan falsafahnya tersendiri, derhaka secara umum dimaksudkan

<sup>15</sup>. W.G. Shellabear, (ed.), *Spirits of Malaysia*, hlm. 24.

sebagai menentang raja atau pemegang kuasa yang didaulatkan. Ia mengambil bentuk penafian titah/perintah raja, mencetuskan huru-hara dalam negeri, membunuh tanpa kebenaran raja atau memalsukan cap mohor diraja. Hukuman derhaka berlaku dalam dua bentuk kepercayaan turun-temurun yang dikaitkan dengan kutukan daripada Allah-Ta'ala, "...dibalikkan Allah bumbungnya (rumahnya) ke bawah, kaki tiangnya ke atas"<sup>16</sup>. Kalimat gerun yang menjadi ungkapan masyarakat ialah sama ada 'ditimpa daulat baginda' atau 'ditimpa tulah', yang mengakibatkan hidup merana sepanjang hayat. Pada abad ke-18 masyarakat Melayu amat takut dengan kalimat 'ditimpa bisa kawi' akibat menderhaka. Penderhakaan dianggap paling hina dalam masyarakat, kerana ia meruntuh dan memporak-perandakan sistem, mengancam dan meroboh nilai secara mendadak, kebiadaban budaya dan akhirnya menghuru-harakan kerajaan. Seringlah disebut, 'pantang Melayu menderhaka'. Usaha bertubi-tubi mengelakkan berlakunya gejala sosial dan politik inilah yang membolehkan Melaka kekal dalam ketahanan peradabannya selama lebih seabad.

Daulat berkait erat dengan keamanan kesejahteraan dan kerukunan bermasyarakat. Sedangkan derhaka ketika itu membayangkan satu perbezaan yang nyata yang bertentangan dengan daulat. Perbuatan derhaka kerap dikaitkan dan dihubungkan dengan suasana yang kecoh, ruwet, huru-hara dan menggugat kerukunan bermasyarakat. Kehidupan barangkali menjadi tidak teratur dan akhirnya punah<sup>17</sup>. Runtuhan daulat, hancurlah institusi masyarakat.

16. Contoh bersejarah yang mungkin dapat dikaitkan dengan hal ini ialah perihal mangkatnya Sultan Mahmud Shah II, keturunan raja-raja Melaka di Johor, akibat dibunuh oleh pembesarnya, Orang Kaya Megat Seri Rama. Pembunuhan itu dianggap suatu penderhakaan yang tiada taranya dalam pensejarahan Melayu di Selat Melaka. Selepas pembunuhan itu kerajaan Johor-Riau kucar-kacir kerana rebutan takhta di kalangan pembesar Johor diketuai oleh Bendahara Abdul Jalil dan Raja Kecil dari Siak. Berikutnya muncul pula orang Bugis. Akhirnya empayar Melayu ini pudar dan pecah mulai 1718. Rujuk L.Y. Andaya, *The Kingdom of Johor*, Oxford University Press, 1975, hlm. 78-84; Muhammad Yusoff Hashim (ed.), *Hikayat Siak*, 1992, hlm. 112-113.

17. Paul Wheatley, *The Golden Khersonese*, Kuala Lumpur, 1961; O.W. Wolters, *Early Indonesian Commerce: A Study of the Origins of Sriwijaya*, New York, London, Ithaca, 1967.

## Potensi Selat Melaka.

Sejarah telah membuktikan bahawa sejak abad pertama masihi lagi Selat Melaka telah menjadi laluan perairan yang cukup bermakna bagi para pedagang dari sebelah timur dan barat<sup>18</sup>. Kedudukan geografi dan suasana alam semula jadinya menyebabkan persekitaran Selat Melaka menghasilkan potensi-potensi ekonomi dan peluang untuk membina dan menegakkan kuasa politik tempatan. Tiupan angin monsun juga menjadi salah satu faktor teras yang membantu ke arah terbentuknya potensi-potensi ini. Apakala manusia berupaya menggembungkan tenaga fikir dan menggerakkan daya inteleknya, maka potensi yang sedia ada memang terbuka dan mudah untuk dieksloitaskan.

Periode pra-abad ke-15 menyaksikan pertumbuhan dan kemunculan beberapa kuasa politik tempatan yang bertahan dan saling bertopang dengan kuasa dan peluang-peluang ekonomi. Salah satu yang jelas ialah kemunculan Langkasuka. Mulai abad ke-6 sehingga abad ke-11 Masihi kawasan Selat Melaka dikuasai dan didominasi oleh kuasa Srivijaya. Ketika zaman gemilangnya kuasa Srivijaya merupakan sebuah empayar Melayu awal yang terunggul di rantau dan ini sudah tentu dari segi bidang politiknya meraih segala peluang ekonomi yang terdapat di persekitaran kawasan tersebut. Sebagai sebuah kuasa politik di peringkat pusat yang berwibawa di bahagian tenggara Sumatera ketika berada kemuncaknya, Srivijaya berjaya menunduk dan mengawal sekurang-kurangnya 14 buah bandar pelabuhan yang boleh menghasilkan pelbagai potensi ekonomi. Potensi ini muncul dalam bentuk hasil cukai dari jalan perairan di persekitaran selat, dan hasil urusniaga daripada pelbagai sumber pertanian, perhutanan serta galian yang terdapat di bahagian pesisir dan pedalaman timur dan barat Selat Melaka.

Zaman pra-Islam Srivijaya mempunyai ciri-ciri peradabannya yang sendiri. Bukti-bukti sejarah boleh ditampilkan untuk menyatakan bahawa penguasa-penguasa politik pusat meraih dan menegakkan unsur apa yang disebut daulat itu tetapi dengan kaedah dan caranya yang tersendiri. Penempelan watak-watak

<sup>18.</sup> O.W. Wolters, *The Fall of Srivijaya in Malay History*, New York, 1970. Wolters, 'Studying Srivijaya' *JMBRAS*, LII, ii, 1979; Nik Hassan Suhaimi, 'The Bukit Seguntang Buddha', *JMHRAS*, LII, ii, 1979.

bairawa dan Hindu-Buddha banyak dijumpai pada inskripsi raja-raja Srivijaya yang telah mangkat. Salah satu watak yang terkenal ialah Avalokitesvara. Ini juga merupakan suatu usaha untuk mewujudkan semacam doktrin kesakralan di kalangan raja-raja berkenaan yang semata-mata bertujuan bagi menunjukkan sifat-sifat kelainan dan keistimewaannya daripada anggota dan golongan masyarakat biasa<sup>19</sup>. Srivijaya dilapor oleh tokoh pengembara Cina, I-Tsing sebagai pusat pendidikan dan pengajaran agama Buddha.

Selain keadaan dan potensi yang memberi kemudahan tempatan, pasang-surut kekuasaan ekonomi juga ditentukan oleh faktor luaran. Dasar perdagangan luar China nampaknya mempengaruhi faktor luaran ini. Apabila kerajaan China melaksanakan dasar dan sistem ufti ke atas kerajaan-kerajaan dan bandar-bandar pelabuhan di Alam Melayu, didapati terdapat kalangan mereka yang menjadi kaya-raya dan tiba-tiba menjadi amat berpengaruh. Pasang-surut seperti ini turut dialami oleh Srivijaya.

Kekuasaan politik dan ekonomi tidak akan lengkap tanpa kekuasaan dan kekuatan militer. Terbukti juga bahawa pengaruh politik dan sumber ekonomi digunakan sebaik-baiknya untuk mengumpul, menggembeleng dan menggerakkan sumber tenaga manusia untuk membentuk gerombolan dan kumpulan ketenteraan di kawasan laut. Pihak paling unggul yang didapati menguasai dan membolot sektor ini ialah pelbagai suku Orang Laut. Tenaga militer mereka digunakan bukan secara percuma, tetapi sebaliknya dengan habuan masing-masing. Malah mereka dikatakan memberikan kerjasama erat kepada pemegang kuasa pusat, bukan sahaja untuk matlamat ekonomi, malah untuk menundukkan kuasa-kuasa tempatan serantau yang matlamat akhirnya adalah bagi menjaga dan mengekalkan keamanan. Kekuasaan Srivijaya menjadi unggul atas tenaga dan faktor maritimnya.

### Mulai Abad ke-15

Tradisi Islam di Melaka telah pun didahului oleh tradisi yang serupa di Pasai. Sebuah kesultanan yang berdaulat dan kerajaan yang kuat di bahagian utara

<sup>19.</sup> A.H. Hill (ed.), "Hikayat Raja-raja Pasai. A Revised Romanised Version of Raffles M.S. 67", dalam *JMBKAS*, XXXIII, ii, 1960.

Sumatera itu diperkuuhkan dengan topangan faktor ekonomi yang dipancarkan menerusi kehadiran begitu ramai pedagang asing Islam. *Hikayat Raja-raja Pasai* dengan jelas menerangkan perihal istana dan institusi kesultannya, manakala pengembara Marco Polo pula membayangkan kekosmopolitan masyarakatnya<sup>20</sup>. Begitu istimewa dan kukuhnya kedudukan politik Pasai sehingga taraf Melaka disamakan dengan Pasai, selain Aru<sup>21</sup>.

Melaka pada abad ke-15 dan ke-16 tidak akan lupa sumbangan besar yang diberikan oleh Parameswara, menteri-menteri kanannya dan Orang Laut yang pada asalnya mengusulkan agar baginda bertapak dan mendirikan sebuah kerajaan di situ. Kedudukan Melaka yang begitu strategik dan istimewa hasil anugerah alam semulajadinya menyebabkan peluang untuk mengeksplorasi segaja potensi yang terdapat di sekitarnya terbuka luas. Soal meraih daulat dan proses membina kedaulatan ke atas raja-raja Melaka tidak timbul kerana faktor silsilah dan peribadi mereka yang 'berdarah putih'. Darah yang mengalir di tubuh mereka cukup menjelaskan bahawa baginda adalah daripada kalangan kerabat dan putera dari Palembang, saki-baki dan warisan Srivijaya yang pada penghujung abad ke-14 telah didominasi oleh Jawa.

Penubuhan sebuah kerajaan dan kesultanan (selepas Islam) di muara sungai Melaka merupakan pengulangan kegemilangan Srivijaya, walaupun dalam konteks dan corak yang agak berbeza. Ini termasuklah dari segi penganutan agama dan peranan tokoh-tokoh yang berlainan, tetapi muncul daripada jurai keturunan dan silsilah yang sama. Di antara aspek-aspek yang perlu ditampilkan yang memperlihatkan pengulangan apa yang pernah berlaku pada masa pemerintahan Srivijaya termasuklah:

- Kaedah membina dan mempertahankan daulat raja yang memerintah. Hanya yang berbeza ialah unsur Islam dan pra-Islamnya. Unsur kesakralan peribuminya masih diteruskan.
- Penggembangan tenaga Orang Laut yang masih mentaati ketuanan daripada jurai keturunan kerabat Palembang/Srivijaya. Di Melaka kegiatan mereka menjadi sebuah institusi yang diketuai oleh seorang Laksamana.

20. W.G. Shellabear (ed.), *Sejarah Melayu*, hlm. 232-5.

21. Muhammad Yusoff Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 177.

Pembentukan dan pengekalan tradisi maritim Melayu dalam aspek ekonomi, ketenteraan, perkapanan dan perdagangan.

Pelaksanaan dasar perdagangan memberi ufti kepada Dinasti Ming abad ke-15 di China.

Usaha gigih menakluk kawasan-kawasan pesisir untuk mengawali seluruh jalan perairan Selat Melaka yang menjanjikan pulangan dan penghasilan ekonomi serta sumber tenaga manusia yang amat menguntungkan.

Kemunculan bandar pelabuhan yang terbuka kepada dunia luar.

Hubungan dagang dan politik di sebelah timur dan barat Selat Melaka.

Pembentukan sebuah pelabuhan entrepot dengan pelbagai fungsinya yang menjanjikan keuntungan..

Daripada sebuah penempatan kecil yang belum bernama, hanya dalam sedekad atau dua awal abad ke-15, Melaka berkembang menjadi sebuah empayar dengan mempunyai kawasan pengaruh politik yang luas. Kedaulatannya sentiasa dilindungi dan dipertahankan bagi memberi jalan kepada pembinaan dan kewujudan kerajaan yang kuat dan ditakuti. Tonggak kedaulatannya ialah raja dan institusi kesultannya. Di situ lah sebuah peradaban Melayu memancarkan kegemilangannya.

Aspek-aspek peradaban ini dapat dilihat atau dibuktikan dengan tertubuhnya beberapa buah kesultanan dan kerajaan yang memancarkan 'tradisi agung' Melayu seperti Pasai, Aceh, Brunei, Palembang, Patani, Johor-Riau dan seterusnya. Tradisi Melaka yang bertahan selama lebih seabad kemudian diteruskan kesinambungannya di Johor yang kesemuanya dirujuk kepada pengembangan daya intelek dan tenaga fikir anggota masyarakat yang mengambil keserasian dengan keadaan persekitaran semulajadi, kepercayaan, pengaruh luar, ciptaan para *local genius*nya, penerusan nilai-nilai murni warisan leluur nenek moyang dan sebagainya.

Institusi kesultanan yang serba rencam nampaknya mendasari pola-pola budaya dalam peradaban itu sendiri. Di antara aspek yang menyangkut institusi ini ialah sistem perajaan (*kingship*) dengan aura dan pelbagai mitos yang dihubungkaitkan dengan sistem ini. Budaya material disabitkan dengan adat istiadat yang serba canggih yang termasuk di dalamnya perlakuan, peralatan,

lambang-lambang peristiadatan yang dilaksana dan dihormati oleh semua anggota masyarakat dan yang paling unggul ialah nilai perdaulatan yang diterima sebagai konvensi daripada sistem ini.

Aspek ini kian kukuh dan dapat memberikan makna yang tersendiri dalam sistem bermasyarakat dan budaya politik Melayu ketika itu apakala Melaka berkembang (sama ada secara sukarela atau paksaan) menjadi kuasa penakluk di rantau ini. Pada zaman kemuncaknya, Kesultanan Melaka menjadi sumber daulat untuk mendaulatkan pelbagai kerajaan dan kesultanan tempatan. Peranan Melaka ialah memberi kesan yang besar ke atas dimensi pensejarahan Alam Melayu sehingga kini.

Institusi kesultanan yang disokong oleh sistem adat dan undang-undang menyebabkan organisasi masyarakat menjadi tersusun dan normatif coraknya. Tome Pires, seorang pelapor Portugis yang berada di Melaka pada dekad yang paling hampir dengan tahun pengunduran raja-raja Melaka melaporkan,

"And through this custom the land lived in an orderly way and they carried on their business. And that was done thus orderly so that they did not favour the merchants from ships, nor did he go away displeased; for the law and the prices of merchandise in Malacca are all known ..."<sup>22</sup>

Sudah tentu para saudagar (pelabur?) tidak akan datang untuk mencari untung di negeri yang kucar-kacir sistemnya. Tentunya juga ada para pelaksana yang bertanggung jawab yang diamanahkan melaksana, mengawal perjalanan dan selok-belok pentadbiran di bawah sebuah kerajaan yang berdaulat yang diterajui oleh seorang sultan. Masing-masing pelaksana mempunyai portfolio yang tersendiri, seperti menjadi ketua segala menteri, menjadi ketua hakim dalam 'tafahus-mentafahus' sesuatu kes jenayah dan awam, memegang khazanah/perbendaharaan kerajaan, mengetuai seluruh organisasi ketenteraan, menjaga keamanan dalam negeri, mengetuai angkatan tentera Melaka di pihak laut, mengawal hal ehwal persaudagaran/perdagangan dan sistem urusniaga, mengawal kelancaran adat-istiadat di pihak istana, menyelia seluruh institusi perhambaan dan sebagainya.

22. Armando Cortesao (ed. & tsd.) *The Suma Oriental of Tome Pires*, The Hakluyt Society, London, 1944, hlm. 274.

Sebagai masyarakat yang amat menghormati sistem dan tata susila berkerajaan, Melaka juga didapati keras dengan protokolnya. Kaedah menyambut utusan kerajaan luar berbeza mengikut taraf. Sebagai contoh utusan dari Pasai disambut dengan penuh istiadat (bergajah, berbunyi-bunyian, berpayung atas mereka yang memegang warkah), sedangkan utusan dari Inderagiri disambut setakat berpayung sahaja. Peradaban bertambah gemilang dengan terserapnya Islam ke dalam nilai hidup, kepercayaan dan akidah, hala cara dan kaedah pelaksanaan undang-undang, institusi ilmuan, syariat dan muamalat dalam kehidupan harian dan sebagainya. Merujuk kepada *Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka*, didapati ia berteraskan hukum adat Melayu dan tempatan serta undang-undang Islam daripada mazhab Syafi'i. Kadang kala begitu tegas undang-undangnya dilaksanakan sehingga hukuman *hudud* dikuatkuasakan, atau sekurang-kurangnya dirakamkan di dalam manual undang-undangnya. Kesalahan mencuri dipotong tangan. Kesalahan zina dihukum sula. Ketua hal ehwal agama Islam dan yang bertanggung jawab mengeluarkan fatwa ialah kadi. Agama Islam amat dihormati. Kitab agama (seperti *ad-Darul Manzum*) diberikan penghargaan yang begitu tinggi.

Dari segi ekonomi, taraf Melaka ialah sebuah pelabuhan entrepot, dengan fungsi pelabuhan antarabangsa. Urusan ekonomi dan perdagangannya perlu bersistem, sebab ia menjadi pelabuhan induk bagi seluruh laluan perairan di Selat Melaka. Penyelia utama pelabuhan dan para pedagang disebut Syahbandar. Terdapat empat orang Syahbandar Melaka. Masing-masing mewakili etnik dan bangsa tersendiri. Ketika itu, tidak pernah terdapat lebih daripada seorang Syahbandar di mana-mana pun bandar pelabuhan Alam Melayu ini. Begitu menonjol dan pentingnya kedudukan pelabuhan dan perdagangan Melaka zaman kesultannya, jantas ulas Tome Pires lagi.

"There is no doubt that the affairs of Malacca are of great importance, and of much profit and great honour. It is a land that cannot depreciate, on account of its position, but must always grow. No trading port as large as Malacca is known, nor any where they deal in such fine and highly-prised merchandise ... Like a rich and colourful pageant under the blazing tropical sun, this busy eastern market made an indelible impression on the first Europeans who visited Malacca ... Whoever is lord of Malacca has his hand on the throat of Venice".<sup>23</sup>

Komunikasi di kalangan sesama anggota masyarakat tidak menghadapi masalah, kerana *lingua franca* ialah bahasa Melayu. Dalam aspek kebudayaan, bahasa inilah juga yang menjadi bahasa rasmi persuratan/perutusan, bahasa kesusasteraan dalam pelbagai genre sastera yang dilaporkan wujud di Melaka dan kawasan empayarannya, selain bahasa sukuan Melayu yang sedia wujud dalam pelbagai genre oralnya, bahasa adat istiadat dan perundangan, bahasa dalam urusniaga dan tradisi maritimnya (seperti kiwi, awak-awak, senawi, jeragan, juru batu, nakhoda, malim dan lain-lain ).


Selama lebih seabad aspek-aspek peradaban di bawah kesultanan Melayu ini bertahan di Melaka, termasuklah perihal hubungan politik, ekonomi dan diplomatiknya dengan kerajaan-kerajaan serantau dan antarabangsa (Brunei, Patani, Jambi, China, Filipina, Jepun dan lain-lain). Walaupun setelah 1511 aspek-aspek peradaban ini tidak luntur. Dalam konteks kesinambungan dan perubahan, ia terus diwarisi oleh kesultanan Johor-Riau dan beberapa buah kerajaan/kesultanan negeri Semenanjung Malaysia pada masa kini.

Teras pembinaan peradaban ini ialah daulat.




Plet 1:

Ukiran Arca Buddha, Avalokitesvara daripada kerajaan tua Srivijaya yang di temui di Palembang, Sumatra




Plakat 2:

Inskripsi keramat "Telaga Batu" yang tersimpan di Museum Nasional, Jakarta. Bagian atasnya berukiran tujuh kepala naga, lambang Siva, sebuah artilis budaya peninggalan Kerajaan Srivijaya Melayu, menjadi mekanisme meneipta "daulat".



Plakat 3:

Gapura ke "Bukit Seguntang Mahameru" di Palembang, Sumatera Selatan adalah hasil raja Melaka. Balok keramat ini dipercaya lambang gerakan akademik atau raja Palembang yang "menurunkan" raja raja Melaka.



Plet 4:

Peralatan nobat raja-raja Johor-Riau menjadi salah satu peralatan budaya untuk men-yokong pendaulatan raja/sultan yang ditabalkan. Peralatan yang tersimpan di Kandil Riau, Tanjung Pinang, Sumatera ini dipercayai diwarisi dari peralatan nobat raja-raja Melaka dan Johor, abad ke- 15 hingga abad ke- 19.



Plet 5:

Faksimile dari naskhah Undang-Undang Melaka (Naskhah K. 45)